



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENGAWAS KENDERAAN (C.2 EB.3)
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PENGAWAS KENDERAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Pengurusan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Keutamaan akan diberikan kepada calon Lelaki.
 3. Boleh bertutur, menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
 4. Mempunyai kebolehan dalam menggunakan komputer adalah kelebihan.
 5. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam kerja-kerja pengurusan dan pemeliharaan Kenderaan / Bangunan dan pengalaman dalam pengurusan dan perundingan peminjaman pemandu adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memantau dan mengawasi kenderaan dan pemandu-pemandu bagi sebarang keperluan;
2. Menyelaraskan keperluan hal ehwal pemandu, aktiviti dan projek Unit Kenderaan;
3. Membuat perancangan penempatan pemandu untuk lantikan pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang diberikan kemudahan sebuah kereta rasmi dan seorang pemandu;
4. Bertanggungjawab mengawal penggunaan kereta sewa Kerajaan di bawah pengendalian Unit Kenderaan Jabatan Perdana Menteri, mengemaskini statistik kereta dan perbelanjaan penyewaan kereta;
5. Bertanggungjawab membuat perancangan kemajuan Unit Kenderaan;
6. Bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kesejahteraan Harta Benda Kerajaan Unit Kenderaan;
7. Merekod permohonan atau semua perbelanjaan pemeliharaan kereta dan Bangunan Unit Kenderaan serta membuat laporan dan menyediakan perangkaan yang bersesuaian; dan
8. Menyediakan Rang Anggaran Perbelanjaan Tahunan Unit Kenderaan.